

**SURAT IKATAN AMANAH** ini dibuat pada..... (tarikh)

di antara

**[NAMA DAN NO. KAD PENGENALAN (INDIVIDU) @ NO. PENDAFTARAN (SYARIKAT/PERTUBUHAN) PENGASAS]** yang mempunyai alamat berdaftar di **[ALAMAT PENGASAS]**.

(Kemudian daripada ini dikenali sebagai **PENGASAS** sebagai satu pihak)

Dan

**[NAMA, NO. KAD PENGENALAN DAN ALAMAT PEMEGANG-PEMEGANG AMANAH]**

(Kemudian daripada ini dikenali sebagai **PEMEGANG-PEMEGANG AMANAH** sebagai satu pihak lain)

*[Keperluan di bawah subseksyen 2(1) Akta 258]*

**BAHAWASANYA:-**

Pengasas berniat untuk mewujudkan Yayasan dengan objektif sebagaimana yang dijelaskan di para [xxx] Surat Ikatan Amanah ini.

Maka **SURAT IKATAN AMANAH** ini menyaksikan sebagaimana berikut:

1.0 **TAKRIF**

- 1.1 Bagi maksud Surat Ikatan Amanah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki maksud yang lain, perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai maksud yang berikut:

“Akta” bermaksud Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258].

“Pemegang-Pemegang Amanah”	bermaksud pemegang amanah yang akan dilantik di bawah Surat Ikatan Amanah ini.
“Menteri”	Bermaksud Menteri yang bertanggungjawab terhadap Pemerbadanan Pemegang Amanah di bawah Akta 258.
“Pengasas”	bermaksud <b>[NAMA PENGASAS]</b> .
<b>“[NAMA PERBADANAN PEMEGANG AMANAH]”</b>	adalah bermaksud Pemegang-Pemegang Amanah yang ditubuhkan di bawah Surat Ikatan Amanah ini.
“Tabung Amanah”	adalah bermaksud wang, pelaburan atau harta yang ada pada masa itu tertakluk kepada amanah dan Surat Ikatan Amanah.

## 2.0 LATAR BELAKANG YAYASAN

### 2.1 Nama

- (a) Pemegang-Pemegang Amanah hendaklah secara bersama dikenali sebagai **[NAMA PEBAKAN PEMEGANG AMANAH]** dan hendaklah memohon satu Sijil Pemerbadanan tersebut mengikut peruntukan Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] sebagai sebuah badan korporat dan DENGAN INI DIISYTIHARKAN sebaik sahaja sijil pemerbadanan tersebut dikeluarkan dan selama mana terus berkuat kuasa maka perkataan “berdaftar” hendaklah ditambah pada nama **[NAMA PERBADANAN PEMEGANG AMANAH]** tersebut dan nama Pemegang Amanah akan menjadi “Pemegang Amanah **[NAMA PERBADANAN PEMEGANG AMANAH]** Berdaftar”.

*[Keperluan di bawah Jadual Akta 258]*

- (b) Selama mana Pemegang-Pemegang Amanah tersebut diperbadankan di bawah Akta ini maka mereka hendaklah mematuhi semua Peruntukan Akta bersekali dengan pindaannya dari semasa ke semasa.

## 2.2 Objektif

Tanpa prejudis kepada kegunaan am Tabung Amanah, Pemegang Amanah mempunyai kuasa dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa menggunakan tabung tersebut sama ada sebahagian atau keseluruhan daripada pendapatannya secara eksklusif tanpa mencari untung dan tanpa kepentingan politik bagi mencapai objektif-objektif berikut:

### [OBJEKTIF PENUBUHAN YAYASAN]

*[Keperluan di bawah subseksyen 2(1) Akta 258 ]*

## 2.3 Pejabat dan Alamat Surat-menyurat Berdaftar

**[NAMA PERBADANAN PEMEGANG AMANAH]** akan menjalankan urusannya di pejabat yang mempunyai alamat berdaftar seperti berikut:

### [ALAMAT PERBADANAN PEMEGANG AMANAH]

## 2.4 Meterai Am

- (a) Sebaik sahaja Pemegang-Pemegang Amanah diberikan satu Sijil Pemerbadanan di bawah Peruntukan Akta ini, maka Pemegang-Pemegang Amanah hendaklah mempunyai meterai am yang mempunyai perkataan “**PEMEGANG AMANAH** [NAMA PERBADANAN PEMEGANG AMANAH] **BERDAFTAR**”.

- (b) Meterai Am hendaklah disimpan dengan selamatnya oleh Pengurus Lembaga Pemegang Amanah.

- (c) Meterai Am hendaklah digunakan untuk setiap perjanjian di antara Pemerbadanan Pemegang Amanah dengan pihak lain dengan disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah atau sesiapa yang dilantik oleh Lembaga Pemegang Amanah dan sekurang-kurangnya seorang Pemegang Amanah yang lain.

*[Keperluan di bawah seksyen 12 Akta 258]*

### 3.0 LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

#### 3.1 Pelantikan Pemegang Amanah

- (a) Bilangan Pemegang Amanah boleh ditambah atau dikurangkan iaitu tidak kurang daripada tiga (3) orang dan tidak melebihi **[JUMLAH]** orang Pemegang Amanah.
- (b) Kuasa untuk melantik, menetapkan mula dan tarikh perkhidmatan, menetapkan tarikh mula dan tarikh akhir lanjutan perkhidmatan dan memecat Pemegang Amanah akan ditentukan oleh Pengasas atau Lembaga Pemegang Amanah dengan dipersetujui oleh Pengasas.
- (c) Peruntukan mengenai tanggungan Pemegang-Pemegang Amanah dan lain-lain di bawah Seksyen 6 Akta 258 hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh Pemegang Amanah yang dilantik atau akan dilantik mengikut peraturan ini.
- (d) Setiap pelantikan Pemegang Amanah baru dan pelantikan semula Pemegang Amanah hendaklah mendapat kelulusan Menteri melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.

*[Keperluan di bawah seksyen 5 Akta 258]*

### **3.2 Keanggotaan Lembaga Pemegang Amanah**

Lembaga Pemegang Amanah harus mengandungi keahlian seperti berikut:-

- (a) Pengurus; dan
- (b) Pemegang-pemegang Amanah.

### **3.3 Kuasa Lembaga Pemegang Amanah**

- (a) Lembaga Pemegang Amanah boleh membuat keputusan secara bertulis menerusi Resolusi Berkeliling dengan syarat resolusi tersebut perlu ditandatangani oleh kesemua anggota Lembaga Pemegang Amanah.
- (b) Lembaga Pemegang Amanah boleh melantik serta berkuasa untuk melantik mana-mana agen atau pengkhidmat bagi membantu Pemegang-Pemegang Amanah dalam mengendalikan urusan pentadbiran dan pengurusan **[NAMA PERBADANAN PEMEGANG AMANAH]**. Pemegang-Pemegang Amanah juga mempunyai budi bicara untuk menetapkan ganjaran untuk pelantikan tersebut.
- (c) Kuasa-kuasa lain yang relevan dan tidak bercanggah dengan Akta dan mana-mana Undang-Undang Malaysia.

### **3.4 Pemecatan dan hilang kelayakan sebagai Pemegang Amanah**

Jawatan Pemegang Amanah disifatkan sebagai terhenti sekiranya Pemegang Amanah:

- (i) menjadi muflis;
- (ii) terhalang menjadi seorang Pemegang Amanah melalui peruntukan seksyen 6A Akta 258 dan mana-mana peruntukan undang-undang;
- (iii) menjadi gila atau tidak waras atau kurang siuman;

- (iv) meletak jawatan secara bertulis kepada Lembaga Pemegang Amanah;
- (v) disabitkan atas kesalah jenayah atau frod oleh mana-mana mahkamah di Malaysia;
- (vi) gagal mengisyiharkan apa-apa kepentingan dan isu yang dibincangkan;
- (vii) diputuskan oleh Lembaga Pemegang Amanah sebagai seorang yang tidak layak sekiranya tidak menjalankan tugas sebagai Pemegang Amanah;
- (viii) tidak hadir mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah tiga kali berturut-turut tanpa notis bertulis; dan
- (ix) diputuskan oleh Pengasas sebagai tamat tempoh perkhidmatannya apabila menjadi Pemegang Amanah selama **[JUMLAH]** tahun. Walau bagaimanapun, boleh dilantik semula jika diputuskan oleh Pengasas.

#### 4.0 TABUNG AMANAH

- (a) Pemegang-Pemegang Amanah akan terus memegang wang dan segala kepentingan dalam hartaanah yang akan dikenali sebagai "Tabung Amanah".
- (b) Surat Ikatan Amanah ini dan segala wang, harta alih dan tak alih, pelaburan yang akan dipegang sebagai amanah oleh mereka pada masa-masa akan datang dan menjual serta menukar bentuk segala kepentingan hartaanah kepada tunai atau wang tunai. Pemegang Amanah akan memegang dan menggunakan Tabung Amanah tersebut untuk selama-lamanya bagi tujuan mencapai objektif penubuhan yayasan.
- (c) Tanpa prejudis kepada kegunaan am Tabung Amanah, Pemegang-Pemegang Amanah mempunyai kuasa dari semasa ke semasa dan pada bila-bila masa menggunakan tabung tersebut sama ada sebahagian atau keseluruhan daripada pendapatannya secara

eksklusif tanpa mencari untung dan tanpa kepentingan politik bagi tujuan seperti berikut:-

#### **[CARA-CARA MENCAPAI OBJEKTIF PENUBUHAN]**

- (d) Mana-mana wang yang sedang dimiliki oleh Pemegang-Pemegang Amanah atau wang terhasil dari satu penjualan harta, pelaburan atau wang yang diberikan kepada Tabung Amanah yang pada masa itu tidak digunakan untuk tujuan-tujuan penubuhan **[NAMA PERBADANAN PEMEGANG AMANAH]**, maka Pemegang-Pemegang Amanah mempunyai budi bicara untuk melaburkan dana tersebut dalam mana-mana bentuk pelaburan dan jenis pelaburan yang dibenarkan oleh undang-undang selaras dengan polisi pelaburan yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri. Keuntungan yang diperoleh akan digunakan bagi mencapai objektif penubuhan yayasan.
- (e) Pemegang-Pemegang Amanah boleh menggunakan wang di dalam Tabung Amanah untuk tujuan membayar segala perbelanjaan pengurusan **[NAMA PERBADANAN PEMEGANG AMANAH]**, bil utiliti, yuran pengurusan dan sebarang perbelanjaan yang terakru kerana memenuhi objektif penubuhan, perjalanan dan pentadbiran **[NAMA PERBADANAN PEMEGANG AMANAH]**.
- (f) Bagi menjalani, mempromosi dan memenuhi hasrat penubuhan yang telah dinyatakan, maka Pemegang-Pemegang Amanah boleh dengan budi bicara mereka dari semasa ke semasa mengumpul dana dengan melakukan aktiviti seperti berikut:-  
**[AKTIVITI-AKTIVITI YANG DIRANCANG UNTUK MENDAPATKAN DANA YAYASAN]**

#### **5.0 HAL-HAL KEWANGAN**

- 5.1 Jumlah wang yang disediakan oleh pengasas sebagai permulaan bagi menjalankan aktiviti yayasan adalah sebanyak **[MINIMUM RM1,000]**.

- 5.2 Satu buku akaun yang sempurna hendaklah disimpan dan disediakan oleh Pemegang-Pemegang Amanah atau bagi pihak Pemegang-Pemegang Amanah yang menunjukkan butir-butir penerimaan dan perbelanjaan dan hendaklah diaudit oleh juruaudit profesional yang dilantik dari semasa ke semasa oleh Lembaga Pemegang Amanah.
- 5.3 Pemegang-Pemegang Amanah hendaklah mengemukakan satu akaun yang telah diaudit kepada Menteri dan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri bersama dengan penyata aset dan liabiliti Yayasan. Penyata akaun tahunan Pemegang Amanah yang telah diaudit perlu juga dikemukakan kepada Menteri melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.

*[Keperluan di bawah seksyen 15 Akta 258]*

- 5.4 Kuasa statutori untuk menyimpan akaun dan penyediaan penyata tahunan hendaklah menjadi prinsip perakaunan di dalam Surat Ikatan Amanah ini.
- 5.5 Kesemua cek pembayaran yang ditandatangani oleh dua orang Pemegang Amanah adalah dianggap pembayaran yang sah yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah dengan syarat ia mengikut had bidang kuasa yang ditetapkan di dalam Resolusi Lembaga Pemegang Amanah kepada bank.

## 6.0 MESYUARAT LEMBAGA PEMEGANG AMANAH

- 6.1 Lembaga Pemegang Amanah hendaklah mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya **[JUMLAH]** bulan sekali pada masa dan tempat yang akan ditentukan oleh Lembaga Pemegang Amanah. Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah bolehlah memanggil satu mesyuarat khas dengan memberikan butir-butir untuk perbincangan dengan notis selama **[JUMLAH]** hari.

- 6.2 Satu buku minit mesyuarat hendaklah disediakan bagi mencatat dan merekodkan segala bentuk keputusan, persidangan, mesyuarat dan keputusan Lembaga Pemegang Amanah.
- 6.3 Notis mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah adalah dalam tempoh minima **[JUMLAH]** hari atau tempoh yang dipersetujui bersama oleh mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah.
- 6.4 Kuorum Lembaga Pemegang Amanah ialah tiga (3) orang Pemegang Amanah pada setiap masa atau minima dua pertiga (2/3) orang Pemegang-Pemegang Amanah yang mana lebih tinggi.
- 6.5 Pemegang-Pemegang Amanah bolehlah melantik dari kalangan mereka sendiri mana-mana seorang sebagai Pengurus Lembaga Pemegang Amanah yang mempunyai hak untuk mengundi.
- 6.6 Semua keputusan yang dicapai tidak termasuk melantik dan memecat Pemegang-Pemegang Amanah hendaklah ditentukan melalui **[MAJORITI/DUA PERTIGA/SEBULAT SUARA]** ahli yang hadir yang mengundi pada hari tersebut.
- 6.7 Sebarang pembahagian manfaat dan ganjaran hendaklah ditentukan melalui Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah.
- 6.8 Lembaga Pemegang Amanah boleh membuat keputusan secara bertulis menerusi Resolusi Berkeliling dengan syarat resolusi tersebut perlu ditandatangani oleh kesemua Pemegang Amanah.

## 7.0 AKAUN BANK

Pemegang-Pemegang Amanah boleh dari semasa ke semasa membuka dan menyimpan sebuah akaun bank atau beberapa akaun bank di sebuah atau beberapa buah bank seperti mana yang akan diputuskan oleh Lembaga Pemegang Amanah itu dari semasa ke semasa dan boleh pada bila-bila

masa membayar mana-mana wang yang merupakan sebahagian dari Tabung Amanah itu ke dalam kredit mana-mana akaun tersebut atau menempatkan mana-mana wang itu sebagai deposit dengan mana-mana bank dan semua cek dan arahan untuk pembayaran wang hendaklah ditandatangani oleh Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah dan seorang lagi Pemegang Amanah yang diberi kuasa secara nyata oleh Lembaga Pemegang Amanah itu.

## 8.0 LIABILITI

Tiada Pemegang Amanah yang bertanggungjawab bagi apa-apa kerugian terhadap Dana Amanah itu yang timbul atas sebab mana-mana pelaburan yang dibuat dengan niat suci atau, bagi kecuaian atau fraud oleh mana-mana orang, ejen atau pengkhidmat yang diambil kerja oleh Pemegang Amanah itu walaupun pengambilan kerja orang, ejen, atau pengkhidmat tersebut adalah tidak benar-benar perlu atau wajar atau atas sebab-sebab kesilapan atau peninggalan yang dibuat dengan niat suci oleh mana-mana Pemegang Amanah ini **MELAINKAN** dalam keadaan apa-apa salah pakai Tabung Amanah itu secara sengaja, rasuah atau cuai atas pihak Pemegang Amanah itu yang diminta untuk dipertanggungjawabkan secara peribadi selaras dengan peruntukan Seksyen 6 Akta 258.

## 9.0 PINDAAN KE ATAS SURAT IKATAN AMANAH

- 9.1 Lembaga Pemegang Amanah boleh dari semasa ke semasa meminda, menambah, mengubah atau memansuhkan mana-mana peraturan serta membuat peraturan baru yang difikirkan patut dan sesuai oleh Lembaga Pemegang Amanah dengan persetujuan Pengasas.
- 9.2 Sebarang pindaan terhadap Surat Ikatan Amanah ini hendaklah mendapat kelulusan Menteri melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri.

## 10.0 PEMBUBARAN YAYASAN

- 10.1 Sekiranya Pengasas atau Pemegang Amanah dengan persetujuan Pengasas berhasrat untuk menamatkan perjalanan **[NAMA PERBADANAN PEMEGANG AMANAH]** ini atau yayasan dibubarkan melalui peruntukan Seksyen 17 Akta 258, maka segala harta serta wang yang dimiliki olehnya setelah ditolak dan diselesaikan segala perbelanjaan dan liabiliti yang terbabit, hendaklah didermakan kepada pihak Kerajaan atau mana-mana organisasi kebajikan yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri.
- 10.2 Pembubaran secara sukarela **[NAMA PERBADANAN PEMEGANG AMANAH]** hendaklah dimaklumkan juga kepada Menteri melalui Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri yang mengeluarkan Sijil Pemerbadanan.
- [Keperluan seksyen 18 Akta 258]*

## 11.0 UNDANG-UNDANG YANG MENGAWAL

Surat Ikatan Amanah ini dibentuk di bawah undang-undang Malaysia dan hak setiap orang menurut dokumen ini dan pentafsiran dan kesan setiap dan semua peruntukan dokumen ini hendaklah tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

(Sebahagian daripada muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)

Bagi menyaksikan Surat Ikatan Amanah ini, maka kami yang terlibat menurunkan tandatangan masing-masing di tempat dan tarikh yang termaktub di atas:-

Ditandatangani )  
Oleh PENGASAS )  
Di hadapan:- )  
                      ) .....  
                       )

Nama :

No. K/P:

.....

Nama Saksi :

No. K/P Saksi :

Ditandatangani oleh PEMEGANG  
AMANAH di hadapan:- )  
                       )

.....

Nama Saksi:

No. K/P Saksi:

.....

Nama:

No. K/P:

.....

Nama:

No. K/P:

.....

Nama:

No. K/P: